

**FALSAFAH PEMIKIRAN KEBUDAYAAN, PANDANGAN
ABDULLAH MOHAMED DAN HUBUNGAN
DENGAN ‘BUNGA TERATAI’**

**[PHILOSOPHY OF CULTURAL THOUGHT, ABDULLAH
MOHAMED’S VIEW AND THE RELATIONSHIP
WITH THE ‘LOTUS FLOWER’]**

Mohd Zaki Mahmud

Calon Doktor Falsafah, Cluster of Heritage and Civilization, Islam Universiti Islam Malaysia (UIM), Bangunan Khadijah, PT1, Jln Profesor Diraja Ungku Aziz, 46350 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan, MALAYSIA.

e-mel: mzaki1975@gmail.com

Abdul Latif Abu Bakar

Cluster of Heritage and Civilization, Islam Universiti Islam Malaysia (UIM), Bangunan Khadijah, PT1, Jln Profesor Diraja Ungku Aziz, 46350 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan, MALAYSIA. **e-mel:** latif@uim.edu.my

Adel M Abdulaziz Al Geriani

Pusat Pengajian Pendidikan, Dakwah dan Peradaban Islam, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin (UnisZA), Kampus Gong Badak, 21300 Kuala Nerus, Terengganu, MALAYSIA.

e-mel: adelmaziz@unisza.edu.my

Received: 15 Januari 2021

Accepted: 10 Mac 2021

Published: 31 Mac 2021

Abstrak: Islam merupakan agama paling berpengaruh di Alam Melayu. Kepesatan penyebaran dan perkembangan Islam di wilayah Nusantara adalah didokumentasikan dalam sumber-sumber sejarah tempatan mahu pun antarabangsa. Terdapat tokoh budayawan dan sejarawan yang prihatin melakukan kupasan secara historikal terhadap ketamadunan kemajuan pengaruh kebudayaan Islam di Alam Melayu. Namun sikap masyarakat kontemporari yang kurang berminat tentang sejarah menyebabkan mereka kurang arif dan prihatin terhadap sejarah dan budaya asal usul Melayu. Artikel ini bertujuan untuk mendedahkan sejarah dan peradaban kebudayaan. Penulisan ini memberi tumpuan tentang ketokohan dan pemikiran seorang individu yang mempunyai kewibawaan pemikiran dan falsafah kebudayaan Melayu yang berasaskan kepada konsep ilmu Ketuhanan dan kealaman dengan mengemukakan pemikiran falsafah dan pemikiran konsep ‘bunga teratai’ sebagai asas peradaban dan ketamadunan di Alam Melayu. Pemikiran dan falsafah beliau mengenai sejarah dan budaya Melayu yang dianggap sebagai anugerah Allah, pemikiran di luar kotak di mana keilmuan berteraskan kepada akidah Islam dan daya pemikiran yang mempunyai tahap yang tinggi dan sudah tentu mendapat pelbagai respons dan kontroversi. Beliau seorang pengkaji sejarah dan budayawan yang gigih mencari ilmu dengan secara langsung dan tidak langsung. Hasilnya, didapati bahawa sepanjang usianya, banyak dihabiskan dan dikorbankan dengan mencari ilmu dalam pelbagai bidang keilmuan termasuk, sejarah, budaya, astronomi, falsafah, ekonomi, fikh, ketuhanan dan kealaman, perkara ini membuktikan ketokohan dan keserjanaan Abdullah Mohamed.

Kata kunci: Pemikiran, Falsafah, Budaya, Bunga Teratai, Melayu.

Abstract: Islam is the most widely practised religion in the Malay world. Islam's spread rapidly, and development in the archipelago documenting in local and international historical sources. Humanists and historians have reservations about conducting a historical analysis of civilization's cultural influence on Islam in the Malay world. However, modern society's lack of interest in history has left them uninformed and unconcerned about Malay origin's history and culture. The purpose of this article is to reveal cultural history and civilization. This paper focuses on the thought of leadership and integrity towards a person who has a philosophy of Malay culture, based

on divinity and faulty thinking, by presenting the philosophy and thought the concept of 'lotus' as the basis of culture and civilization in the Malay world. Thoughts and his philosophy of history and culture consider God's grace, thinking outside the box in which science based on the Islamic faith and the power of thought had a high level and certainly got a variety of responses controversy. He was a historian and culturalist who worked hard to gain knowledge both directly and indirectly in conclusion, this study displaying that his life was spent and sacrificed to pursue knowledge in various fields such as history, culture, astronomy, philosophy, economics, jurisprudence, divinity, and experience. Such, indeed, demonstrates Abdullah Mohamed's greatness and scholarship.

Keywords: Thought, Philosophy, Culture, Lotus, Malay.

Cite This Article:

Mohd Zaki Mahmud, Abdul Latif Abu Bakar & Adel M Abdulaziz Al Geriani. 2021. Falsafah Pemikiran Kebudayaan, Pandangan Abdullah Mohamed dan hubungan dengan 'Bunga Teratai' [Philosophy of Cultural Thought, Abdullah Mohamed's View and the relationship with the 'Lotus Flower']. *TARIKH International Journal of Islamic History and Civilization* 1(1): 29-49.

PENGENALAN

Kebudayaan merupakan keseluruhan cara hidup manusia. Ia berperanan penting dalam proses pembangunan negara di Malaysia di mana keperibadian Malaysia harus dipupuk dalam usaha yang dijalankan ke arah meningkatkan pembangunan sosio-ekonomi dan politik. Ini sudah tentunya memerlukan penggemblengan dan penglibatan semua lapisan masyarakat dalam satu proses yang berterusan. bagi sebuah negara yang mempunyai masyarakat majmuk dan berbilang kaum seperti Malaysia, proses pembentukan kebudayaan nasional memerlukan perancangan yang teliti dan rapi supaya dapat melahirkan cara hidup yang bersifat kemalaysiaan, aman damai dan harmoni. Perancangan dan strategi masa depan mengenai kebudayaan harus menerapkan sifat-sifat yang baik, mulia, nilai dan norma dan utama bagi pembinaan peradaban dan ketamadunan bangsa, budaya dan ketahanan negara.

Dasar kerajaan melalui Penggubalan Dasar Kebudayaan Kebangsaan adalah penting bagi sesebuah negara membangun dengan begitu pesat dan yang mempunyai penduduk berbilang kaum seperti Malaysia, dengan yang demikian, sebagai satu proses yang berterusan, pewujudan Kebudayaan Kebangsaan Malaysia akan terus berlandaskan unsur dan tiga prinsip berikut yang ditetapkan oleh Kerajaan sebagai Dasar Kebudayaan Kebangsaan.

Pertama, berteraskan dan berpandu kepada Kebudayaan Rakyat Asal Rantau ini.

Rantau ini yang merangkumi kawasan Malaysia, Indonesia, Filipina, Singapura, Brunei, Thailand dan Kampuchea serta Kepulauan Selatan Pasifik (Polynesia, Melanesia dan Oceania) sehingga Malagasi merupakan kawasan atau bahagian utama dari kawasan tamadun atau budaya Melayu dikawasan Nusantara dan Rantau ini merupakan pusat pemancaran, pengembangan budaya dan warisan kebudayaan Melayu sejak zaman-berzaman dan sejak lahir nabi Adam a.s. lagi. Dengan yang demikian, kebudayaan rakyat asal rantau ini dalam pengertian sempit atau luasnya kebudayaan Melayu telah dijadikan teras kepada Kebudayaan Kebangsaan.

Kedua, unsur dan ciri Kebudayaan Lain Yang Sesuai dan Wajar diterima

Kebudayaan merupakan sesuatu yang dinamik, sentiasa berubah-ubah melalui proses penyerapan dan penyesuaian secara berterusan. Prinsip ini bertepatan dengan situasi penduduk berbilang kaum yang mewarisi pelbagai budaya. Dengan itu unsur budaya Cina, India Arab, Barat dan lain-lain yang sesuai dan wajar diberi penimbangan dan penerimaan dalam pembentukan Kebudayaan Kebangsaan. Kesesuaian penerimaan dalam penyerapan ini bergantung kepada tidak wujudnya percanggahan dengan Perlembagaan dan prinsip-prinsip Rukun Negara dan kepentingan nasional serta asas-asas moral dan kerohanian sejagat pada amnya dan pada Islam sebagai agama rasmi negara khususnya.

Ketiga, Islam Menjadi Asas Penting dalam Pembentukan Kebudayaan Kebangsaan

Agama atau kepercayaan kepada Tuhan merupakan unsur dan asas penting dalam proses pembentukan dan pembangunan negara serta pembinaan seluruh rakyat pelbagai kaum, agama dan budaya yang berakhlak dan berperibadi mulia. Agama Islam memberi panduan kepada manusia dalam mengimbangkan dan memadukan usaha bagi mengisi kehendak emosi dan fizikal dan kerana itu patut menjadi unsur yang penting dalam pembentukan Kebudayaan Kebangsaan.

KONSEP KEBUDAYAAN

Konsep kebudayaan yang mengandungi beberapa elemen iaitu definisi budaya, kandungan atau elemen budaya yang berbentuk material dan budaya bukan material, tentang konsep masyarakat yang mengandungi beberapa definisi dan perkembangan. Masyarakat Melayu yang mengandungi beberapa takrif Melayu serta sejarah dan latar belakang bangsa Melayu,

Menurut Edward B. Tylor (1871), budaya ialah suatu keseluruhan sistem yang kompleks, yang terkandung unsur ilmu pengetahuan, kepercayaan, seni, moral, undang-undang, adat istiadat dan kemahiran lain yang diperoleh manusia sebagai anggota masyarakat. Manakala Taib Osman (1988) menakrifkan kebudayaan sebagai cara hidup yang mengatur hidup satu kelompok manusia.

Pendapat Ibn Khaldun pula menyatakan budaya merujuk kepada kebiasaan cara hidup. Budaya membezakan manusia dengan haiwan. Manusia mempunyai kemampuan intelek dan daya berfikir melalui intelek, manusia dapat berhubung/memahami satu sama lain. Manusia dapat menyesuaikan cara hidup dengan alam sekeliling suatu proses penyesuaian melahirkan budaya yang berbeza-beza antara kawasan. Prof. Koetjaraningrat menakrifkan budaya sebagai keseluruhan kelakuan dan hasil kelakuan manusia yang teratur oleh tata kelakuan yang harus diperoleh dengan cara belajar.

Penulis mengambil beberapa buku terpilih dan berkaitan dengan falsafah dan pemikiran dan pandangan Abdullah Mohamed tentang kebudayaan. Dan pendekatan beliau tentang konsep 'Bunga Teratai' dan hubungan dengan Islam.

FALSAFAH KEINDAHAN MELAYU

Bangsa Melayu sejak dari awal lagi sejak terjadinya mereka sebagai satu ras dan bangsa adalah satu bangsa yang bertuhan, sebab mereka dari keturunan manusia yang bertuhan, kekasih Allah sejak ribuan tahun yang lalu. Bila datang agama Islam, agama ini memberikan pula suatu pendekatan Ilmu ketuhanan yang sama apa yang telah dianuti oleh nenek moyang mereka yang terdahulu. Yang membeza hanya dari aspek syariat atau lapisan kulit dari agama sahaja yang diwujudkan kepada rasul-rasul menurut zaman dan ruang, tetapi inti akidah dan cara berpegang kepada Allah tetap sama, tidak berubah dan juga tidak berbeza dari aspek istilah menurut bahasa yang dipertuturkan oleh rasul-rasul dan bangsa-bangsa mereka dalam satu zaman dan ruang seperti bahasa Hebrew dan Arab di Asia Barat, bahasa-bahasa Sanskrit dan bahasa Melayu Kuno di Asia Tenggara dan lain-lain, tetapi inti iktikad dan cara berpegang pada Allah tetap tidak berbeza melainkan golongan yang sesat.

KEBUDAYAAN MELAYU MENGIKUT PANDANGAN ABDULLAH MOHAMED

Berdasarkan kepada peradaban dan Tamadun Melayu pemikiran yang diutarakan kepada masyarakat adalah bersumberkan kepada akidah berteraskan al-Qur'an dan al-Sunnah. Ini kerana ilmu pengetahuan yang dikuasai oleh seseorang melalui akal fikirannya dapat membentuk dan melahirkan sesuatu yang baru dan menghasilkan tamadun. Manusia boleh membangun dan bergerak maju dengan menggunakan akal untuk melahirkan sesuatu tamadun. Namun sekiranya akal digunakan untuk mereka cipta sesuatu yang boleh merosakkan keselamatan agama, maruah, keturunan, tubuh badan, dan harta benda, maka ia boleh merosakkan dan memusnahkan tamadun manusia. Ini adalah suatu pandangan atau kenyataan yang tiada dapat ditolak oleh sesiapa, melainkan orang yang percaya manusia itu berasal dari 'kera' sebagaimana yang kemukakan melalui pemikiran barat iaitu teori 'Darwin' tentang kejadian evolusi manusia. Kedudukan dikuatkan lagi dengan kajian yang ditulis dalam kertas kerja Falsafah dan Pemikiran Dalam Wayang Kulit (Abdullah Mohamed, 1980) mengenai kebudayaan wayang kulit satu permainan dan hiburan tradisional Kelantan yang terkenal. Buku ini membicarakan tentang asal usul kejadian alam serta sejarah dunia dan hubungan dengan alam ketuhanan dan kealaman di mana wayang kulit adalah sebahagian dari budaya Melayu asal dan melihat kebesaran Allah SWT dan memperlihatkan rahsia Allah dan khazanah yang tersembunyi, perlu dikaji secara mendalam bagi memastikan perkara kesahihan pandangan yang diutarakan oleh Abdullah Mohamed dalam tulisan dan pemikiran luar kotak, yang luar biasa dan aneh.

Islam adalah satu bidang agama yang amat luas dan mempunyai peradaban dan tamadun yang tersendiri. Pada hakikatnya Islam boleh menjadi sebagai teras falsafah hidup manusia, sebagai teras falsafah kenegaraan, sosial, ekonomi, politik, sejarah dan undang-undang. Abdullah Mohamed mengatakan bahawa khazanah keilmuan boleh diteraskan kepada "akidah Ketuhanan dan kealaman' dalam ayat al-Quran dan hadis yang menjelaskan mengenai kejadian manusia, alam semesta dan kehidupan manusia sejagat. Begitu dalam falsafah keindahan Melayu, jadi jika diibaratkan Islam sebagai teras yang bersandarkan kepada akidah ketuhanan dan kealaman ini maka dengan sendirinya akidah ketuhanan ini mendominasi kebudayaan Melayu yang menjadi asas titik tolak atau pangkal keindahan budaya Melayu itu.

Pada pandangan Abdullah Mohamed bahawa perlu dijelaskan disini bahawa terdapat dua pendekatan dalam akidah ketuhanan Islam untuk memahami keindahan Melayu ini, menurut ilmu Kalam dan satu menurut ilmu Hakikat yang juga disebut 'Ilmu Marifat' pendekatan ini telah menghasilkan keindahan bangsa Melayu yang secara tidak langsung membuktikan bahawa nenek moyang zaman dahulu dapat memahami dan kaitan dengan ilmu ketuhanan dengan menerusi ilmu hakikat insan dan martabat tujuh yang dipegang ahli sufi yang tinggi martabatnya disisi Allah dan pemikiran ini telah diterapkan dalam segenap aspek seni budaya dengan amalan yang boleh menjernihkan kalbu, ia mudah difahami dengan cara intelektual dengan meneliti falsafah seni bina Melayu dan konsep bunga teratai.

Pada keseluruhan dan kesimpulannya dapatlah digambarkan bahawa kebudayaan Melayu mempunyai khazanah yang tersembunyi, serta identiti yang perlu diketengahkan dan dengan model atau kaedah baru, konsep baru atau mungkin teori baharu tetapi ini perlu dibincangkan dengan mendalam dan menggunakan kaedah yang ilmiah dan saintifik dan berdaya positif bagi mendapat fakta, bukti dan kesahihan yang sesuai mengikut perubahan zaman dan teknologi komunikasi dan digital ini.

FALSAFAH PEMIKIRAN MENGENAI BUNGA TERATAI

'Bunga Teratai' nama saintifiknya *Nymphaea famili Nymphaeaceae*. Dalam bahasa Inggeris dikenal sebagai *water-lily* atau *waterlily*. Di Indonesia, teratai juga digunakan untuk menyebut tanaman dari genus *Nelumbo*. Teratai adalah tumbuhan akuatik yang tumbuh di kebanyakan sungai, tasik, kolam dan lubuk air tawar diseluruh Negara dimuka bumi ini, teratai tumbuh secara rawak tanpa perlu ditanam atau dijaga oleh sesiapa pun. Ia dapat hidup tanpa ditanam atau bantuan manusia dan haiwan. Nanum teratai tidak tumbuh di air masin yakni air laut dan juga tiada dilautan yang luas. Istimewa bunga teratai ini mempunyai perbagai bentuk dan warna yang menaik namun baunya amat sukar dikesan melainkan manusia dan haiwan yang mempunyai deria yang sang sensitif. Namun pohon teratai memerlukan asas yang sangat penting baginya untuk meneruskan kelangsungan hidup sepsis dalam air tawar, tanpa air tawar pohon teratai akan layu, kecut dan mati.

Melihat kepada ciri dan keistimewaan teratai penulis pernah diberitahu oleh Abdullah Mohamed bahawa bunga teratai ini waktu mengembang begitu cantik sekali terutama kawasan yang ditumbuhi berpaya, di tasik, muara sungai atau hiasan dalam kolam, biasa warna yang dilihat adalah putih, merah, kuning, oren dan ungu, pada sebelah petang bunga teratai ini akan menguncup. Inilah yang dinamakan atau diperlambangkan oleh Abdullah Mohamed sebagai manusia dalam kehidupan dimana sampai masa akhirnya manusia akan mati atau mengecup, sebab jika dilihat nisan atau batu yang bertanda dua batang berbentuk bunga teratai yang telah mengecup menunjukkan manusia sesudah pengkebumian iaitu mati begitulah hebat perumpamaan dalam konsep 'bunga teratai yang dibawa oleh pemikiran Abdullah Mohamed dalam warisan budaya Melayu. Ini adalah sebahagian ciri yang dilihat dalam bunga teratai. Banyak lagi perkara yang tersurat dan tersirat, diibaratkan khazanah yang tersembunyi terdapat pada bunga teratai, kerana bunga di sesetengah Negara dan kebanyakan negara dan masyarakat dunia menjadikan simbul bunga teratai sebagai bunga yang dipuja, dipuji dan diagungkan sebagai lambang kerajaan, agama, bangsa atau budaya mereka. Kerajaan Kedah Tua, Kerajaan Kelantan, Srivijaya, Majapahit, Cina kuno, India Kuno, Mesir Kuno dan kerajaan

silam zaman dulu. Bangsa melayujuga banyak menggunakan symbol dan lambing teratai ini. Pemikiran Abdullah Mohamed bahawa asal usul bangsa melayu ini ada kaitan dengan kejadian awal ciptaan Tuhan Yang Maha Berkuasa menciptakan segala sesuatu dengan lafaz “KUN” (Jadi) maka terjadilah segala sesuatu itu mengikut kehendak Allah Ta’ala. Beliau menyatakan konsep Ketuhanan dan Kealaman semesta alam ada hubungan dengan konsep bunga teratai.

Di sini penulis mengambil contoh konsep bunga teratai yang perlambangan dalam seni bina masjid tua zaman dahulu dan falsafah pemikiran Abdullah Mohamed. seni masjid terdapat corak bunga teratai, malah kita orang Islam jika pergi ke Mekah seni bina masjid banyak perlambangan bunga teratai dan di Madinah tempat raudah nabi Muhammad SAW sendiri di atas bumbung terdapat reka bentuk lukisan, ukiran, permata bunga teratai yang indah, cantik lagi warna warni.

Falsafah dan pemikiran beliau tidak bertentangan sains, malah apa yang ditemui oleh ahli sains itu memperkukuhkan akan kebenaran ayat-ayat Al-Quran. Seterus beliau mengkaji ilmu mengenal Allah, ilmu tasawuf, dan ilmu ‘marifat’ dalam pencarian ini beliau mendapati penemuan baharu. Beliau yakin setiap sesuatu ciptaan Allah itu indah dan cantik, tidak dapat difikirkan dan dibayangkan oleh deria, naluri dan akal manusia biasa sepertri kita rupa bentuk pohon dan bunga teratai yang sangat indah dan bunga teratai didunia sebagai bayangan bagi manusia yang berfikir dan berakal.

Konsep Ketuhanan dan Kealaman Bunga Teratai dalam Seni Bina Masjid

Seni bina dan reka bentuk sentiasa berkembang disebabkan situasi dan persekiran. Kehidupan manusia selaras dengan pertumbuhan alam dan ,manusia dimana putaran alam telah ditetapkan oleh Allah. S.w.t. Hukum ini yang memainkan peranan dalam membentuk personaliti manusia termasuk kebudayaan sebagai cara hidup sesuatu bangsa, membantu manusia bagi menghasilkan satu seni bina dan seni reka yang berkembang hingga kehari ini sejalan dengan pemikiran manusia(Rini Trisulowati, 2008).

Masjid merupakan satu lambing keagungan bagi umat Islam seluruh dunia. Masjid juga dijadikan mercu tanda atau monumen penting bagi umat Islam menunaikan ibadah dan bangunan bukan sekadar fizikal dengan seni bina, corak, motif, ukiran, kerangka dan visual sahaja malah lebih dari itu mempunyai falsafah dan pengertian yang tersendiri, corak pemikiran yang perbagai mengikut kehidupan, dat resam, latarbelakang manusia yang menciptakan. Apa yang menentukan nilan dan kualiti sesuatu seni bina bangunan itu adalah mjelalui kebudayaan sesuatu bangsa mengikut citarasa dan keinginan bangsa tersebut (Abdul Rochyym, 1983). Seni bina Islam terutama masjid adalah sebahagian dari kebudayaan Islam dan manusia membina nya adalah tujuan untuk memenuhi mkehendak manusia yang merangkunmi aspek rohani dan jasmani. Oleh itu peranan masjid dalam seni bina Islam yang mendirikan bangunan yang cantik, indah dan mengkagumkan bagi menampung aktiviti manusia untuk mencapai keimanan kepada Alah s.w.t.. Menurutt Gazalba perkataan masjid daripada kata akar *sajd* yang membawa erti sujud(Sidi Gazalba, 1975)


Mengikut pandangan dan pemikiran Abdullah Mohamed dimana masjid yang dimana dialam melayu mempunyai falsafah dan dilihat mempunyai kekuatan rohani dan jasmani. Tamadun di Asia Tenggara yang terkenal dengan budaya yang perbagai sama ada yang ketara atau tidak ketara diperlihatkan dalam kebudayaan Melayu sejak zaman dulu lagi. Setiap cara

hidup budaya yang dilalui oleh manusia itu mesti ada tujuan dan matlamat ciptaan Allah, sudah tentu ilmu itu datang daripada Allah dengan tujuan baik atau suci dan memberi manfaat kepada manusia. Pemikiran dan kebijaksanaan Abdullah Mohamed dalam menghuraikan falsafah dan pemikiran orang Melayu dan kaitan dengan kebudayaan dalam konteks 'bunga Teratai' menjadil perlawanan kepada ajaran Islam dan konsep ketuhanan sebagai asas pengkajian Abdullah Mohamed, tentang falsafah di sebalik 'bunga Teratai' dan hubungan dengan di Alam Melayu.

Sebagaimana pada diri Hakikat Muhammdiyah terhimpun hakikat-hakikat segala sesuatu, begitu juga pada kudup yang kuncup itu terhimpun segala kelopak, stamen, rahim bunga, stigma dan lain-lain. Selepas segala kelopak berkembang, segala stamen terbuka dan segala-galanya wujud beberapa banyak, menjadi sekuntum bunga yang berkembang. Bunga yang berkembang dari hakikat segala sesuatu yang terkeluar daripada diri 'Hakikat Muhammadiyah'. Bagi lambang kejadian alam dalam tingkat kealaman, menurut Abdullah Mohamed, "Zat Tuhan" kepada tangkai adalah sifat alam kejadian, apabila berlakunya kejadian maka lahirlah kudup bunga teratai. Ketika itu tangkai akan ghaib dan wujud bersama kudup. Kudup melambangkan manusia atau alam kecil yang mula kelahiran sebelum lahirnya alam besar. Bagi tingkat kealaman ini kudup bunga adalah sebagai lambang 'Nur Muhammad'. Sementara sekuntum bunga teratai yang berkembang adalah lambang alam besar.

Apa yang telah diterangkan bukanlah satu ilmu baharu, sebenarnya suatu ilmu purba yang hanya dijelmakan kembali padazaman baharu dan diolah semula dengan cara baharu. Barangkali anda akan bersetuju kalau dinyatakan di sini bahawa ilmu ini pernah diabadikan dalam kebudayaan kita berupa lambang dalam berbagai jenis yang dibuat pada benda nyata. Kita hanya memandang secara sambil lewa sahaja terhadap lambang itu sebagai perkara biasa tanpa cuba menyingkap apakah rahsia yang ada di sebaliknya. Penulis memaparkan konsep senibina Islam yang berteraskan Kebudayaan Melayu yang dizahirkan melalui perlambangan dengan Bunga Teratai.

Lambang Bunga Teratai Konsep Ketuhanan dan Kealaman



Rajah 1: Sekuntum bunga teratai dipegang oleh tangan, melambangkan pegangan manusia dengan Allah, diibaratkan berpegang kepada tali Allah dan persaudaraan sesama manusia.

Bunga teratai ini terdiri dari dua bahagian penting:

1. Tangkai
2. Kelopak-kelopak.


“Tangkai adalah lambing bagi “Zat Allah” dan “Kelopak-kelopak” adalah lambang bagi “Alam”. Seorang pemuda yang gagal dan kelihatan gelisah biasanya ia dinasihati oleh seorang tua Melayu, “Jangan gelisah, pegang kemas-kemas pada tangkai itu”. Yang dimaksudkan dengan “tangkai” ini ialah “tangkai bunga teratai” lambang bagi “Zat Allah”. Bila berpegang kemas pada Zat Allah, segala masalah yang mencabar dalam alam dapat diatasi, sama ada dengan bila berpegang kemas pada tangkai itu, seluruh kelopaknya tidak akan terlucut lagi dari tangan.

Bila bunga teratai itu dijadikan lambing ketuhanan-kealaman dalam erti kata yang sebenarnya, “tangkainya” lambing bagi “Zat Allah” itu dihilangkan, kerana “Zat Allah” adalah suatu yang tiada dapat digambarkan, ia dipandang sebagai wujud dalam seluruh kelopaknya atau lebih luas dalam seluruh kuntumnya. Dengan ini bila dikatakan “Zat Allah sebagai tempat berpegang manusia”, bukanlah bermakna ia wujud di luar, sebenarnya ia wujud dalam diri manusia sendiri, manusia berpegang dengan Zat Allah, bukan dengan tangannya, tetapi sebenarnya dengan “kalbu” nya.

Manakala kelopak-kelopak bunga teratai itu, sebagai lambing alam pada asasnya terdiri daripada lapan kelopak, kemudian diperincikan menjadi 12 kelopak untuk mencukupi makna-makna yang lebih luas sebagai lambing di alam nyata. Jadinya bunga teratai itu, bila dijadikan lambang ketuhanan-kealaman ia dipandang dari depan sebagai berikut (Lihat Rajah 2). Bunga teratai yang dijadikan lambang itu, dapat ditafsirkan lebih terperinci dengan cara memandangnya dari rusuk. Tangkainya yang ghaib bersama pangkal kelopak dan kelopak terbawah, melambangkan “tingkat ketuhanan”, manakala tiga tingkat kelopak ke atas termasuk rahim bunga, melambangkan “tingkat kealaman”¹

Jika ambil sekuntum bunga teratai yang dijadikan lambang itu, telungkupkan mukanya ke bawah, ia akan menjadi suatu bentuk bangunan masjid tradisi, contoh Masjid Kampung Laut, di Kelantan dibina oleh wali Sembilan.

Lambang Bunga Teratai



Rajah 2 : Mengambarkan bentuk yang lengkap dari sekuntun bunga teratai dipandang dari depan manakala ‘Zat Allah’ maujud disebaliknya.

Bunga teratai yang dijadikan lambang itu, dapat ditafsirkan dengan lebih terperinci dengan cara memandangkan dari rusuk. Tangkainya yang ghaib bersama pangkal kelopak dan kelopak bawah, melambangkan ‘tingkat ketuhanan’ manakala tiga tingkat kelopak keatas termasuk rahim, melambangkan ‘tingkat kealaman’, lihat Rajah 2. Bentuk Qalb Al-Alam (Jantung Alam) atau sekuntum bunga teratai yang menjadi lambang bagi empayar Srivijaya sebagaimana yang telah diterapkan pada prasasti Kota Kapur bertarikh tahun ke-6 Masihi. kelopak-kelopaknya yang terdiri daripada empat kelopak kembar dan empat kelopak tunggal, berjumlah dua belas semuanya.

Kehebatan Falsafah dalam Perlambangan Bunga Teratai


Unsur ketuhanan dalam kebudayaan tradisi itu boleh didapati pada mana-mana trait kebudayaan, pada lambang-lambang kerajaan, pada seni bina, pada seni ukir, pada seni tari, pada seni drama dan pendekatan-pendekatan lain yang berbagai-bagai ragam. Tetapi yang paling penting dari semuanya ialah yang terdapat pada lambang kerajaan Srivijaya abad ke 7, iaitu ‘bunga teratai’ berkelopak dua belas dengan dua lapis bulatan pada tengahnya. Bunga teratai ini mengajarkan kita bahawa apa yang kelihatan itu adalah alam, manakala Zat Allah adalah sebaliknya.

Dipandang dari aspek Zat Allah-Muhammad, bererti pada sekuntum bunga teratai itu telah merangkumi ‘dua kalimah syahadat’ iaitu “Zat Allah-Muhammad’ dalam agama yang lalu

hanya berwujud dalam konsep, tetapi dalam agama yang terkemudian ini, agama Islam, keduanya dirumuskan dengan dua kalimat. Konsep Bunga Teratai dalam Kosmologi Melayu

Manusia, alam dan kehidupan dalam *world-view* Melayu Persepsi Melayu tentang manusia juga telah didasarkan kepada *world-view* Islam tentang insan. Dari perspektif Melayu-Muslim sudah tidak ada lagi manusia dewa dari kayangan, dari muntah lembu atau dari buluh betung. Manusia adalah keturunan Nabi Adam AS yang dijadikan daripada tanah. Tidak ada lagi manusia sial yang dilahirkan dalam kasta rendah dan hina. Sebaliknya semua manusia adalah makhluk mulia dan istimewa yang dicipta dalam kesempurnaan *ahsani takwim* (penciptaan yang sebaik-baiknya). Manusia dicipta adalah dengan tujuan untuk menyembah dan mengabdikan diri kepada Allah. Di samping itu, mereka juga dicipta sebagai khalifah Allah iaitu penerima mandat dan amanah keutuhan untuk mengurus alam sesuai dengan petunjuk-Nya. Namun demikian dalam mengurus dan memakmurkan alam, manusia terikat dengan hukum-hukum dan nilai-nilai kudus ketuhanan. Maka dengan demikian, dalam masyarakat yang masih kuat dengan ajaran Islam tidak sepatutnya berlaku kejadian sumbang mahram, maksiat, pencemaran alam sekitar dan pelbagai krisis ekologi lain. Demikianlah kehidupan, alam dan manusia, melihat adanya dua dunia kehidupan iaitu kehidupan duniawi yang terbatas dan sementara; dan kehidupan ukhrawi yang abadi dan hakiki. Kehidupan duniawi adalah amat penting sebagai penentu baik-buruk kehidupan ukhrawi maka dengan itu kehidupan duniawi harus diisi dengan pengabdian kepada Ilahi menerusi iman dan amal soleh. Memang tujuan penciptaan manusia adalah untuk mengabdikan diri kepada Ilahi.

Lambang Konsep Ketuhanan dan Kealaman dalam seni bina masjid



Rajah 3: Masjid Kampong Laut menggambarkan tingkat ketuhanan dan tingkat kealaman yang terdapat pada bentuknya. Angka 1 hingga 7 itu menunjukkan tingkat-tingkat dari dua tingkat itu yang diterangkan secara terperinci.

Bila bunga teratai terlungkup ini telah bertukar menjadi sebuah masjid konsep ketuhanan dan kealaman itu dapat dihuraikan seperti di bawah ini. Pada mula sekali masjid itu hendaklah dibahagi kepada dua bahagian satu bahagian luar dan satu bahagian dalam.

Bila bunga teratai terlungkup ini telah bertukar menjadi sebuah masjid, konsep ketuhanan dan kealaman itu dapat dihuraikan seperti di bawah ini. Pada mula sekali masjid itu hendaklah dibahagikan kepada dua bahagian:

- a. Bahagian luar
- b. Bahagian dalam
- c. Bahagian Luar

Yang dimaksudkan dengan bahagian luar ini ialah bentuk bangunan keseluruhan Masjid Kampung Laut dipandang dari luar. Bangunan ini mempunyai tujuh tingkat serupa dengan tingkat-tingkat yang terdapat pada sekuntum bunga teratai. Tingkat-tingkat ini terbahagi pula kepada dua tingkat penting:- tingkat ketuhanan dan tingkat kealaman.

Tingkat Ketuhanan

Tingkat ini terdiri dari tiga tingkat sebagai berikut: Tingkat yang Pertama: Tingkat kosong dari sesuatu, tingkat yang tiada dapat digambarkan dan dihuraikan sama sekali. Inilah tingkat Zat Allah. Tingkat ini dinamakan “Tingkat Ahadiyah”. Tingkat yang Kedua: Tingkat lahirnya seorang tokoh yang menjadi hakikat bagi seluruh alam, “Hakikat Muhammadiyah”, hakikat Nabi kita Muhammad (SAW). Tingkat ini diperlambangkan dengan buah butun bahagian atas, jadi dia adalah tingkat wujudnya sesuatu yang bersifat (berupa) dari Zat Allah yang tiada bersifat (berupa) itu. Tingkat ini disebut “Tingkat Wahdah” Tingkat yang Ketiga: Tingkat lahirnya hakikat-hakikat segala suatu yang banyak dari Hakikat Muhammadiyah itu. Tingkat ini diperlambangkan dengan buah butun bahagian bawah yang lebih besar dari bahagian atas itu, tingkat ini disebut “Tingkat Wahidiyah”.

Tingkat Kealaman

Dari tingkat ketuhanan kita turun pula kepada tingkat kealaman. Tingkat ini terdiri dari empat tingkat seperti berikut:

Tingkat yang Keempat: Tingkat alam ghaib lagi ghaib, permulaan tingkat makhluk dalam erti kata yang sebenarnya sebagai yang kita faham, terdiri dari jisim yang maha luas. Alam ini berbatasan “Arasy yang Besar” (al-‘Arsyul-‘Azim), batas makhluk yang paling besar, yang diperlambangkan dengan rabung tingkat pertama.

Tingkat yang Kelima: Tingkat alam ghaib, tingkat makhluk yang terdiri dari jisim yang lebih kasar dari jisim tingkat alam ghaib lagi ghaib di atas. Alam ini berbatasan “Arasy yang Mulia” (al-‘Arsyul-Karim) yang terkandung dalam “Arasy yang Besar” (al-‘Arsyul-‘Azim) itu. Diperlambangkan dengan rabung tingkat yang kedua.

Tingkat yang Keenam: Tingkat alam nyata, terdiri dari jisim yang lebih kasar dari jisim alam ghaib di atas. Alam ini berbatasan “Kursi yang Amat Besar” (al-Kursiyul-A’azam) dan

diperlambangkan dengan rabung tingkat yang ketiga Bersama dinding, pelantaian dan tiang-tiang.

Tingkat yang Ketujuh: Tingkat manusia sempurna iaitu Nabi Muhammad (SAW) di alam nyata yang diperlambangkan dengan hujung bahagian bawah penunjuk langit pada tengah-tengah bahagian dalam dari rabung tingkat yang pertama. Manakala penunjuk langit sendiri melambangkan “Nur Muhammad”. Ini sebenarnya termasuk dalam bahagian dalam dari bangunan masjid.

Menuju Kepada Allah

Dalam soal yang berhubung dengan “perjalanan menuju kepada Tuhan”, bentuk bangunan Masjid Kampung Laut yang sedemikian rupa dapat pula dijadikan lambangnya. Bentuk bangunan ini dapat dibahagikan kepada empat tingkat menurut empat tingkat perjalanan menuju kepada Allah. dari bawah menuju ke atas, sebagai berikut:

Tingkat yang Pertama. “Tingkat Syariat”, tingkat ini diperlambangkan dengan tiga tingkat rabung, tingkat alam nyata, tingkat alam ghaib dan tingkat alam ghaib lagi ghaib.


Tingkat yang Kedua. “Tingkat Tarikat”, tingkat ini diperlambangkan dengan lorong gelap di sekitar kepala penunjuk langit, menuju ke arah buah butun dan Zat Allah yang abstrak.

Tingkat yang Ketiga. “Tingkat Hakikat”, tingkat ini diperlambangkan dengan buah butun tingkat bawah dan tingkat atas.

Tingkat yang Keempat. “Tingkat Ma’rifat”, tingkat ini diperlambangkan dengan kosong iaitu lambang bagi Zat Allah.

Beberapa Masjid di Melaka Lambang Konsep Ketuhanan dan Kealaman

Dalam tinjauan pemikir Abdullah Mohamed terhadap tiga belas buah masjid tua di Melaka pada tahun 1975, didapati semua melambangkan konsep ketuhanan dan kealaman atau dengan kata yang lain semua yang merupakan kunci khazanah yang tersembunyi yang ditinggalkan oleh nenek moyang kita supaya generasi akan datang dan anak cucu kita dapat memahami hakikat kebudayaan Melayu. Bentuk bangunan Masjid yang sama dengan yang terdapat di Melaka, ini juga terdapat Negeri Sembilan, di Pulau Jawa terutama Masjid Demak, di Pulau Sumatera dan di kepulauan Filipina. Sekarang dibincangkan mengenai bentuk bangunan masjid-masjid di Melaka dengan mengambil contoh masjid Peringgit dalam Rajah 7.



Rajah 7: Masjid Peringggit di Melaka

Serupa juga dengan Masjid Kampung Laut, Masjid Peringggit ini dapat dihuraikan dalam dua bahagian:

- a. Bahagian luar
- b. Bahagian dalam

Dengan memandang kepada bentuk bahagian luar dari bentuk bangunan Masjid Peringggit ini dan membandingkannya dengan Masjid Kampung Laut di Kelantan, ternyata ia melambangkan suatu yang sama, konsep ketuhanan-kealaman yang terdapat pada bentuk bangunan Masjid Peringggit ini dihuraikan dengan cara berkembar.

Apakah yang dimaksudkan dengan “cara berkembar” ini? Maksudnya dalam satu waktu ia mempunyai dua acara penerangan:

- a. Cara manurun (tanazzul)
- b. Cara mendaki (taraqqi)

Untuk memahami hal ini, lebih dahulu kita bahagikan seluruh bentuk bangunan Masjid Peringggit itu kepada dua bahagian penting:

- a. Bahagian tubuh: Melambangkan bunga teratai yang terlungkup
- b. Bahagian kubah: Melambangkan bunga teratai yang terdongak ke atas Bahagian Tubuh

Bahagian tubuh ini mempunyai huraian sebagai berikut:

Tingkat Ketuhanan. Sekarang kita mulai dengan bahagian tengah iaitu tingkat tapak bagi kubah dan bahagian kemuncak dari rabung masjid dan diberi tanda dengan angka-angka 1,2,3. Tingkat ini yang dinamakan “Pasu Kubah” adalah titik tolak bagi segala huraian. Inilah tingkat alam dalam ilmu Allah atau tingkat perbendaharaan tersembunyi (al-Kanzul-Makhfi) yang di dalamnya terkumpul tiga tingkat ketuhanan:

- a. Tingkat Ahadiyah
- b. Tingkat Wahdah
- c. Tingkat Wahidiyah

Kalau Masjid Kampung Laut menerangkan secara perinci tingkat-tingkat dalam alam dalam ilmu Allah itu, Masjid Peringggit ini mengumpulkan semua tingkat itu dalam esa. Tingkat Ahadiyah dijadikan hakikat bagi apa yang nyata.

Tingkat Kealaman. Daripada alam dalam ilmu Allah itu memancarlah alam bertingkat-tingkat dari alam ghaib lagi ghaib kepada alam nyata yang dimulai dengan angka 4 dalam rajah. Tingkat alam ghaib lagi ghaib, yang diperlambangkan dengan rabung tingkat yang pertama.

Tingkat alam ghaib, yang diperlambangkan dengan rabung tingkat yang kedua.

Tingkat alam nyata, yang diperlambangkan dengan rabung tingkat yang ketiga.

Tingkat manusia sempurna, iaitu Nabi Muhammad SAW dalam alam nyata yang diperlambangkan dengan hujung bahagian bawah penunjuk langit.

Tingkat Ketuhanan. Sekarang kita mulai dengan bahagian tengah iaitu tingkat tapak bagi kubah dan bahagian kemuncak dari rabung masjid dan diberi tanda dengan angka-angka 1,2,3. Tingkat ini yang dinamakan “Pasu Kubah” adalah titik tolak bagi segala huraian. Inilah tingkat alam dalam ilmu Allah atau tingkat perbendaharaan tersembunyi (al-Kanzul-Makhfi) yang di dalamnya terkumpul tiga tingkat ketuhanan:

- a. Tingkat Ahadiyah
- b. Tingkat Wahdah
- c. Tingkat Wahidiyah

Kalau Masjid Kampung Laut menerangkan secara perinci tingkat-tingkat dalam alam dalam ilmu Allah itu, Masjid Peringggit ini mengumpulkan semua tingkat itu dalam esa. Tingkat Ahadiyah dijadikan hakikat bagi apa yang nyata.

Tingkat Kealaman. Daripada alam dalam ilmu Allah itu memancarlah alam bertingkat-tingkat dari alam ghaib lagi ghaib kepada alam nyata yang dimulai dengan angka 4 dalam rajah.

Tingkat alam ghaib lagi ghaib, yang diperlambangkan dengan rabung tingkat yang pertama.

Tingkat alam ghaib, yang diperlambangkan dengan rabung tingkat yang kedua.

Tingkat alam nyata, yang diperlambangkan dengan rabung tingkat yang ketiga.

Bahagian Kubah

Tingkat Ketuhanan. Sekarang kita mulai pula dengan “tingkat pasu kubah” atau alam dalam ilmu Allah tadi. Di dalamnya terkumpul tiga tingkat ketuhanan seperti yang telah dinyatakan.

Tingkat Kealaman. Kemudian lihatlah kepada tingkat-tingkat kubah seterusnya yang terletak di atas pasu kubah itu. Tingkat-tingkat ini melambangkan tiga tingkat alam yang muncul keluar dari pasu kubah yang bermula dari alam ghaib lagi ghaib sampai kepada alam nyata, sebagaimana yang ditunjukkan oleh angka-angka pada raja kubah:

- i. Tingkat alam ghaib lagi ghaib yang diperlambangkan dengan tingkat kubah yang pertama.
- ii. Tingkat alam ghaib yang diperlambangkan dengan tingkat kubah yang kedua.
- iii. Tingkat alam nyata yang diperlambangkan dengan tingkat kubah yang ketiga.
- iv. Tingkat manusia sempurna, iaitu Nabi Muhammad (SAW) dalam alam nyata yang diperlambangkan dengan tingkat kubah yang keempat atau kemuncaknya.

Jadinya, perbezaan dalam cara memberikan penerangan di antara bentuk bangunan Masjid Kampung Laut dan bentuk bangunan Masjid Peringgit terletak pada bahawa Masjid Kampung Laut memberikan penerangan bermula dari Zat Allah turun kepada alam dalam ilmu Allah, turun kepada alam ghaib lagi ghaib. Turun kepada alam ghaib, turun kepada alam nyata.

Manakala Masjid Peringgit memberikan penerangan dari alam dalam ilmu Allah, turun kepada alam ghaib, turun kepada alam ghaib dan turun kepada alam nyata. Kemudian berbalik naik pula dari alam di dalam ilmu Allah, setingkat demi setingkat sampai kepada alam nyata semula. Yang satunya (Masjid Kampung Laut) dari kosong kepada nyata dan yang satu lagi (Masjid Peringgit) dari nyata kepada nyata.

Bahagian Dalam

Bahagian dalam dari bangunan Masjid Peringgit ini serupa juga dengan masjid-masjid lain di Melaka dan Masjid Kampung Laut di Kelantan, mengandungi beberapa lambang, di antaranya yang terpenting:

- a. Penunjuk langit melambangkan Nur Muhammad (SAW) dan bahagian bawahnya melambangkan Nabi Muhammad (SAW) Mengenai bahagian bawah telah diterangkan ketika membicarakan tentang bahagian luar tadi, kerana hubungan yang erat dengan bahagian luar.
- b. Tiang-tiang empat penjuru pada bahagian tengah yang bermula dari rabung tingkat yang pertama (melambangkan al-‘Arsyul-‘Azim) turun kepada pelantaian, melambangkan “empat penjuru alam” dalam alam ghaib lagi ghaib, alam yang mempunyai dimensi yang tiga yang mula-mula lahir.
- c. Tiang empat penjuru pada bahagian pinggiran dan bahagian pinggiran luar, semuanya merupakan perlanjutan-perlanjutan dari empat penjuru alam itu dalam tingkat-tingkat alam ghaib dan alam nyata.
- d. Suatu macam tiang yang tidak terdapat di masjid-masjid Melaka sepanjang kajian penyelidikan, ialah tiang dua belas yang melambangkan empat unsur dalam tiap-tiap tiga tingkat alam. Tiang-tiang seperti ini yang mewakili dua belas kelopak bunga teratai terdapat pada Masjid Kampung Laut, Kelantan.

Lambang Menuju Kepada Allah, Masjid Peringggit.

Serupa juga dengan Masjid Kampung Laut, bangunan Masjid Peringggit ini dapat dihuraikan pula dari segi “perjalanan menuju kepada Allah” sebagaimana diterangkan di bawah ini:

- a. Rabung tingkat yang pertama, yang kedua dan ketiga melambangkan “Tingkat-tingkat Syariat”.
- b. Lorong gelap di sekitar penunjuk langit yang menuju kepada pasu kubah melambangkan “Tingkat Tarikat”.
- c. Pasu kubah sendiri, melambangkan “Tingkat Hakikat”.
- d. Hakikat pasu kubah, melambangkan “Tingkat Makrifat”.

Pembahagian tingkat-tingkat bangunan masjid yang disesuaikan dengan tingkat-tingkat jalan menuju kepada Allah itu masih terdapat dalam riwayat tradisi Melaka, meskipun dalam bentuk yang tiada begitu tepat. Ketika berada di Melaka penyelidik diberitahu bahawa tingkat pelantain masjid melambangkan “Syariat”, tingkat rabung yang pertama melambangkan “Tarikat”, tingkat rabung yang kedua melambangkan “Hakikat” dan tingkat rabung yang ketiga melambangkan “Makrifat”. Tiang-tiang empat penjuru yang terletak di tengah-tengah pada bahagian dalam masjid pula merupakan lambang-lambang yang sama. Tiang-tiang yang pertama melambangkan Syariat, yang kedua melambangkan Tarikat, yang ketiga melambangkan Hakikat dan yang keempat melambangkan Makrifat.

Kubah dan Maknanya

Bentuk-bentuk bangunan masjid tua di Melaka yang telah ditinjau itu adalah sama sahaja pada dasarnya iaitu rabung-rabungnya terdiri dari tiga tingkat, hanya yang agak berbeza ialah bentuk-bentuk kubah yang terletak pada kemuncak.

Kubah ini merupakan suatu yang paling istimewa pada tiap-tiap bangunan masjid di Melaka. Kalau kita hendak melihat hasil-hasil kesenian orang-orang Melaka yang dicurahkan pada bangunan-bangunan suci, maka kubah ini adalah salah satu daripadanya, kalau tidak yang paling penting dari semuanya. Kalau kita melihat kubah yang berbagai-bagai bentuk ini timbul dalam perasaan kita betapa cintanya orang-orang Melaka kepada lambang-lambang yang mempunyai erti yang suci itu.

Keistimewaan kubah itu bukan sahaja terletak pada bentuknya yang mengandungi erti dan corak ukirannya, juga pada bahan-bahan buatannya. Ada antara kubah-kubah yang diperbuat daripada batu karang seperti kubah Masjid Duyong dan ada yang diperbuat daripada batu karang seperti kubah Masjid Besar Serkam Tengah. Batu karang ini diambil dari dalam laut kemudian diukir hingga menjadi suatu hasil kesenian yang bernilai.

Tiap-tiap kubah sebagaimana yang telah dinyatakan tadi terbahagi kepada dua bahagian:

- a. Bahagian yang paling bawah dinamakan “pasu kubah”
- b. Bahagian atas dinamakan “tingkat-tingkat kubah”
- c. Pasu kubah merupakan asas, serupa dengan pasu bagi pohon bunga, dari permukaan pasu itu tumbuh batang, dahan-dahan, ranting-ranting, daun-daun, bunga-bunga dan

pucuk-pucuknya. Kalau tidak ada pasu, tidak ada lagi pohon bunga. Begitu juga kalau tidak ada pasu kubah, tidak ada lagi segala tingkat kubahnya di atasnya.

Kubah ini sebagai suatu keseluruhan sebagaimana yang telah digambarkan, pada asalnya ialah sekuntum bunga teratai yang kemudian diubahsuaikan dengan berbagai-bagai bentuk. Pada setengah-setengah masjid di Melaka, sifat-sifat bunga teratai ini masih jelas kelihatan.

Perbezaan-perbezaan penting pada bentuk-bentuk kubah itu adalah pada tingkat-tingkatnya. Tingkat-tingkat kubah itu tidaklah sama jumlahnya pada masjid-masjid itu. Ini tergantung pada perinci atau ringkasnya apa yang dihuraikan. Dalam kajian penyelidikan pada 13 buah kubah dari masjid-masjid tua di Melaka, terdapat tiga macam kubah, dipandang dari segi tingkat-tingkatnya:

- a. Kubah yang terdiri dari enam tingkat
- b. Kubah yang terdiri dari lima tingkat.
- c. Kubah yang terdiri dari tiga tingkat.
- d. Kubah-kubah yang terdiri dari enam tingkat itu terdapat pada Masjid Besar Serkam Tengah, Masjid Semabok dan Masjid Tanjung Keling.

Kubah-kubah yang terdiri dari lima tingkat terdapat pada Masjid Peringgit, Masjid Pengkalan Rama, Masjid Kampung Hulu, Masjid Tanah, Masjid Kampung Keling, Masjid Duyong, Masjid Kampung Alai, Masjid Pengkalan Minyak dan Masjid Tangga Batu.


Kubah-kubah yang terdiri dari tingkat hanya terdapat pada Masjid Besar Tengkerah sahaja. Sekarang kita ambil serba satu sahaja dari tiga macam kubah itu sebagai contoh untuk mengetahui rahsia-rahsia ketuhanan dan kealaman yang tersimpan di dalamnya. Untuk kubah bertingkat enam, kita ambil kubah Masjid Besar Serkam Tengah, untuk yang bertingkat lima, kita ambil kubah Masjid Peringgit dan untuk yang bertingkat tiga, kita ambil kubah Masjid Besar Tengkerah.

Kubah Bertingkat Enam. Kubah ini pada hakikatnya terdiri dari tujuh tingkat. Hanya pada kenyataan sahaja ia kelihatan enam tingkat:


- a. Tingkat yang pertama. Tingkat pasu kubah melambangkan tingkat Wahdah manakala tingkat Ahadiyah berada pada hakikatnya.
- b. Tingkat yang kedua. Melambangkan tingkat Wahidiyah.
- c. Tingkat yang ketiga. Melambangkan tingkat alam ghaib lagi ghaib.
- d. Tingkat yang keempat. Melambangkan tingkat alam ghaib.
- e. Tingkat yang kelima. Melambangkan tingkat alam nyata.
- f. Tingkat yang keenam. Melambangkan manusia sempurna iaitu Nabi Muhammad (SAW)

Kubah Bertingkat Lima. Ketika membicarakan tentang erti bentuk bangunan Masjid Peringgit di atas, kita telah mengetahui tentang erti tingkat-tingkat kubah itu. Di sini baik juga diulang semula penerangan mengenainya. Kubah ini meskipun kelihatan mempunyai lima tingkat, pada hakikatnya ia mempunyai tujuh tingkat juga:


- a. Tingkat yang pertama. Tingkat pasu kubah melambangkan alam dalam ilmu Allah terdiri dari tingkat-tingkat Ahadiyah, Wahdah dan Wahidyah.
- b. Tingkat yang kedua. Melambangkan tingkat alam ghaib lagi ghaib.
- c. Tingkat yang ketiga. Melambangkan tingkat alam ghaib.
- d. Tingkat yang keempat. Melambangkan tingkat alam nyata
- e. Tingkat kelima melambangkan tingkat manusia sempurna iaitu Nabi Muhammad saw



Rajah 9: Kubah Masjid Besar Serkam Tengah.



Rajah 10: Kubah Masjid Peringgit.



Kubah Bertingkat Tiga. Serupa juga dengan kubah-kubah di atas, kubah ini pada hakikatnya bertingkat tujuh, hanya pada lahirnya sahaja bertingkat tiga, kerana tingkat-tingkat yang diringkasan di dalamnya:

- a. Tingkat yang pertama. Tingkat pasu kubah melambangkan seluruh tingkat yang ghaib bermula dari tingkat Ahadiyah, kemudian tingkat Wahdah, tingkat Wahidiyah, Tingkat alam ghaib lagi ghaib dan tingkat alam ghaib.
- b. Tingkat yang kedua. Melambangkan tingkat alam nyata.
- c. Tingkat yang ketiga. Melambangkan manusia sempurna iaitu Nabi Muhammad (SAW).
- d. Kubah bertingkat tiga ini dapat juga dikatakan sebagai suatu lambang yang menggambarkan dua alam sahaja, alam ghaib dan alam nyata.

KESIMPULAN

Ilmu atau pengetahuan amat penting dalam peradaban manusia membina tamadun bangsa. Tidak dapat dinafikan bahawa hakikat ilmu mempunyai kelebihan yang banyak daripada pelbagai sudut seperti mengelakkan kejahilan, membentuk minda, memandu cara berfikir dengan betul, memperoleh kebenaran, berkemampuan mencipta dan sebagainya. Asas ilmu adalah teori, dari teori ia dikembangkan dalam bentuk praktikal sehingga seseorang itu berkemampuan dalam membuat analisis, sintaksis, menilai dan mentaakul. Manusia mesti mencintai ilmu agar mereka lebih memahami agama dan ketuhanan, serta menemukan kebenaran, mencipta dan memiliki daya fikir yang tinggi.

Penguasaan terhadap pelbagai bidang ilmu-ilmu sama ada ilmu dalam kelompok agama atau sains sosial (bahasa, sejarah, astronomi, geografi, matematik, sastera, politik, sosial, ekonomi dan lain-lain) serta kemunculan sains dan teknologi memantapkan lagi pembinaan dan penerusan sesebuah tamadun bangsa. Legasi kesinambungan peradaban manusia melalui ilmu tidak pernah terputus, keilmuan Islam telah berhijrah ke negara-negara Asia sehingga ke sebelah Timur hingga ke hari ini. Dalam konteks Malaysia melihat kepada sejarah silam, kita dapati apabila kerajaan Melayu terbina di Nusantara ini maka kehebatan khazanah yang tersembunyi banyak dizahirkan di Alam Melayu ini, terutama di Kelantan, Melaka, Aceh, Pahang, Kedah dan Johor dan kepulauan Sunda ini.

Melalui perkembangan ilmu tamadun, dapat kita saksikan semakin tinggi keilmuan yang tinggi dimiliki oleh sesuatu bangsa maka semakin tinggilah nilai penciptaan terhadap penghasilan tamadunnya. Untuk membina sesebuah tamadun yang hebat sesuatu bangsa perlu memiliki pelbagai jenis keilmuan dan kemahiran yang tinggi dalam mencipta dan menghasilkan sesuatu produk dan monumen. Dewasa ini bangsa Barat amat dikagumi oleh hampir semua negara-negara di dunia kerana kemajuan dan penguasaan mereka dalam bidang Sains dan Teknologi, di samping negara-negara seperti Rusia, Jepun, China dan Korea Selatan. Ilmu merupakan aspek yang sangat penting dalam proses membentuk sesebuah tamadun. Ketinggian ilmu dan pendidikan merupakan lambang masyarakat bertamadun dan beberapa tamadun dunia yang dibina juga berakar umbi daripada asas keilmuan yang kukuh dan pelbagai. Dengan sebab itu mana-mana negara yang mempunyai tamadun yang hebat sangat memberi keutamaan terhadap ilmu dengan mendirikan universiti-universiti yang ternama demi mentamadunkan rakyatnya. Tamadun adalah penciptaan terhadap penghasilan atau produk. Dengan sebab itu setiap tamadun mempunyai sumbangannya yang tersendiri kepada masyarakat, baik Tamadun Islam, Melayu, China, India dan juga Tamadun Barat.

Jika diteliti isi kandungan setiap tamadun tersebut, banyak iktibar, nilai dan pengajaran yang bermakna boleh dikutip untuk membina tamadun diri. Contohnya kemajuan, kemakmuran dan ketenteraman hidup dalam setiap tamadun-tamadun tersebut adalah hasil daripada kerjasama dan tolak ansur antara masyarakatnya. Adalah sangat penting bagi generasi sekarang untuk mempelajari tamadun-tamadun awal bangsa atau negara serta sedar bahawa mereka boleh menyumbang ke arah kebaikan untuk semua tanpa mengira bangsa atau pun agama. Juga diharapkan agar kita semua boleh belajar dan mendapat faedah daripada interaksi antara tamadun bagi memupuk persefahaman tulen dan sikap hormat menghormati dalam kalangan rakyat pelbagai agama, keturunan, bangsa dan budaya khususnya kepada generasi yang bakal menjadi pemimpin negara.

Sesungguhnya kebudayaan dan seni Islam itu bertitik tolak daripada akidah yang berakhir dengan keimanan, syarak, ilmu, yang menuju kepada ketakwaan dan akhlak yang merintis kepada amal soleh. Al-Qur'an memberi ilham yang besar kepada perkembangan kesenian dan kebudayaan. Ialah yang memperkembangkan bakat seni yang ada dalam diri manusia dan alam ciptaan Allah SWT yang menjadi unsur inspirasi kepada karya seni dan budaya. Seni Islam telah menemukan unsur ketuhanan, manusia dan alam pada satu titik iaitu keimanan, ketakwaan dan amal soleh. Kekuatan Islam melakukan transformasi tamadun dan peradaban yang paling mendasar terhadap masyarakat dan kebudayaan Melayu dengan pengislaman '*world-view*' Melayu. Transformasi tersebut telah berlaku dengan sempurna sehingga kita dapat mengatakan bahawa Tamadun Melayu yang berdasarkan umat Melayu yang

telah menyerap ajaran Al-Qur'an dan as-sunnah mengikut ajaran Ahli Sunnah Wal Jamaah. Abdullah Mohamed bersama beberapa tokoh lain boleh dianggap sebagai pemikir budaya dan ahli astronomi Melayu yang ulung. Beliau menulis, mengarang, membaca, memikir menggunakan kekuatan akal pemikiran dan sinaran ilham atau kasyaf, lantas mewariskan tradisi pemikiran dan falsafah yang unggul. Karya-karya beliau dan persembahan telah memberi intensifikasi akhlah kepada pemahaman dan amalan Islam di Alam Melayu.

Rujukan

- Abdullah Muhamed. 1975. Bentuk Alam yang mengkagumkan, Kota Bharu: Pustaka Aman Press.
- A. Aziz B. Tap. 1976. Rekabentuk Melayu lama di Melaka. kertas kerja. *Seminar sejarah negeri Melaka*.
- Abdullah Mohamed. 1977. *Ilmu Terus dari Allah (Ar-Risalatul-Laduniyah)*. terj. Imam al-Ghazali, Kota Bharu: Pustaka Aman Press.
- Abdullah Mohamed. 1978. *Bentuk-bentuk Bangunan Masjid, Kunci untuk Memahami kebudayaan Melayu*. Kuala Lumpur: Kementerian kebudayaan, Belia dan Sukan.
- Sidi Gazalba. 1977. *Pandangan Islam Tentang Kesenian*. Kuala Lumpur: Pustaka Antara.
- A. Aziz Deraman. 1979. *Abdullah B Mohamed (Nakula): Tokoh dan Pemikiran*. Kuala Lumpur: Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan.
- Abdullah Mohamed. 1980. Falsafah dan Pemikiran Orang-orang Melayu, Hubungannya dengan Islam dan Kesenian. Kuala Lumpur: Kementerian Kebudayaan, Belia dan sukan.
8. Abdullah Mohamed. 1980. Falsafah dan Pemikiran dalam Wayang Kulit di Malaysia., 91 muka. Kuala Lumpur: Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.
- Abdullah Mohamed (Nakula). (1984). Sriwijaya Awal. *Warisan Kelantan III*. Kota Bharu Kelantan: Perbadanan Meziium Negeri, Istana Jahar.
- Aziz Deraman (peny). 2010. Peradaban Melayu Timur Laut: Memperkasakan Warisan Persuratan Melayu. *Kolokium Peradaban Melayu Kawasan Timur Laut ke-3*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka,;
- Abdullah Mohammad (Nakula). 1989. Sejarah Awal Sriwijaya dan Hubungannya dengan Kelantan," dlm Omar Farouk Bajunid (ed.) *Esei-esei Budaya dan Sejarah Kelantan*. Kuala Lumpur: Asrama Za'ba Universiti Malaya,.
- A Aziz Deraman. 2019. Biografi, Ketokohan dan Bibliografi Abdullah Mohamed (NAKULA). dalam *Seminar Ketokohan Ustaz Abdullah Mohamed (NAKULA)*. 2 Februari 2019 (Sabtu). Dewan Perpustakaan Awam
- Abdullah bin Mohamed (Nakula). 1985. Senibina Islam, Aplikasi di Malaysia. Warisan Kelantan IV, Perbadanan Muzium Negeri Kelantan Kelantan, Kota Bharu.